

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) mengesahkan apakah benar dana yang di bawa pulang sebanyak RM1.103 bilion pada Januari 2015 dari Syarikat Brazonsky Limited, Cayman Islands di 'Redeem' atau dituntut semula telah di deposit dalam bentuk tunai di BSI-Bank Singapore; dan

(b) apakah Auditor Dloyd sedar akan perkara tersebut ketika mengesahkan laporan kewangan 1MDB pada Mac 2014.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baki pelaburan 1MDB dari

Cayman Islands yang telah ditebus (*redeemed*, dengan izin) oleh 1MDB adalah dalam bentuk aset di dalam mata wang US Dollar di sebuah bank di Singapura bertujuan untuk mengimbangi liabiliti US Dollar syarikat. Bank ini merupakan penjaga (*custodian*, dengan izin) bagi pihak 1MDB untuk aset tersebut.

2. Penjelasan ini telah disampaikan oleh Kementerian Kewangan kepada YB Tuan Tony Pua Kiam Wee pada 19 Mei 2015 bagi menggantikan jawapan asal yang diberi pada 10 Mac 2015 seperti berkembar.